

# JPA nafi 200,000 terima gaji RM480 sebulan

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menafikan laporan sebuah akhbar tempatan hari ini bahawa lebih 200,000 kakitangan awam daripada kumpulan sokongan dan rendah menerima gaji minimum sebanyak RM480.85 sebulan.

JPA dalam kenyataannya berkata, jumlah mereka yang masih menerima gaji minimum itu hanya 4,008 orang.

"Walaupun gaji permulaan yang terendah dalam perkhidmatan awam ialah gaji bagi Skim Perkhidmatan Tukang Masak sebanyak RM480.85 sebulan, manakala gaji maksimum untuk skim itu ialah RM1,231.05 sebulan, jumlah pendapatan minimum sebenar penyandang melibatkan faktor gaji pokok dicampur dengan imbuhan tetap ialah sebanyak RM780.85 sebulan dan maksimum sebanyak RM1,501.05 sebulan," kata kenyataan itu.

Akhbar itu melaporkan, lebih 200,000 kakitangan awam daripada kumpulan sokongan dan rendah masih mendapat gaji minimum RM480.85 se-

bulan kerana kadar itu tidak pernah disemak sejak Skim Saraan Bani (SSB) diperkenalkan pada 1990.

Laporan itu menyebut, kebanyakan mereka seperti atendan hospital, pembantu am rendah dan tukang kebun tidak mendapat anjakan gaji kerana gagal dalam Ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

JPA berkata, bahawa sejak 1992, kerajaan telah membuat semakan dan pelarasan gaji sebanyak lima kali.

"Gaji skim perkhidmatan itu juga telah melalui semakan dan pelarasan sejak tahun 1992 sehingga kini iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 48 peratus bagi gaji minimum dan 71 peratus bagi gaji maksimum," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, struktur gaji sektor awam adalah mencakupi tiga faktor iaitu gaji pokok, imbuhan tetap dan komponen berubah (pelbagai elaun yang tidak kekal untuk perkhidmatan tertentu dan lain-lain bayaran insentif).